

1. Siti membeli $\frac{4}{5}$ kg ikan bilis. Dia menyediakan beberapa hidangan menggunakan $\frac{1}{4}$ daripada jisim ikan bilis itu. Hitung jisim ikan bilis yang digunakan.

 kg

2. Abu mempunyai $3\frac{1}{5}$ ℓ minyak masak. Dia menggunakan $\frac{3}{8}$ daripada isi padu minyak itu untuk menggoreng ikan. Hitung isi padu minyak masak yang digunakannya.

 ℓ

3. Satu adunan maruku memerlukan $1\frac{1}{8}$ kg tepung. Devi perlu membuat $2\frac{1}{2}$ kali adunan maruku itu untuk suatu jamuan. Berapakah jisim tepung yang diperlukan oleh Devi?

 kg

4. Salwa hanya ada $\frac{3}{4}$ jam lagi sebelum tamat masa untuk ujian matematikanya. Dia ada 15 soalan lagi untuk dijawab. Berapakah tempoh, dalam jam, yang dia ada untuk menjawab soalan itu?

 jam

5. Lisa ingin membuat kuih bulan untuk didermakan kepada beberapa buah badan kebajikan. Dia ada $5\frac{1}{4}$ kg tepung. Sebiji kuih bulan memerlukan $\frac{1}{8}$ kg tepung. Berapakah bilangan kuih bulan yang dapat dibuat oleh Lisa?

--

 biji

6. Ali membawa bekal $3\frac{1}{2}$ keping lempeng ke sekolah. Semasa waktu rehat, dia bahagikan sama banyak lempeng itu kepada 7 orang rakannya. Berapa keping lempengkah setiap orang rakannya dapat?

7. Sebanyak $\frac{3}{10}$ daripada sebilangan murid menyertai acara larian berpagar. $\frac{1}{4}$ daripada murid itu terlibat dalam acara lompat jauh. Hitung pecahan bilangan murid yang menyertai acara lompat jauh.

8. Adli mempunyai $2\frac{1}{2}$ cawan gula halus. Dia menaburkan $\frac{1}{3}$ daripada gula halus itu ke atas biskut coklat dan selebihnya ke atas biskut strawberi. Berapa cawankah gula halus yang ditaburkan ke atas biskut coklatnya?

9. Sejumlah $82\frac{4}{5}$ kg beras akan dibungkus semula untuk didermakan kepada 7 buah rumah kebajikan. Berapakah jisim beras yang akan diterima oleh setiap rumah kebajikan?

 kg

10. Ahmad dan Abdullah mempunyai tali. Ahmad mempunyai tali berukuran $3\frac{2}{3}$ m. Jumlah panjang tali mereka ialah $9\frac{1}{6}$ m. Berapa kalikah panjang tali Abdullah berbanding dengan panjang tali Ahmad?

 kali